

14 MAR 1996

Muhyiddin - acara

MALAYSIA MAHU ANJURAN ACARA DUNIA

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan telah memulakan perbincangan dengan penganjur, promoter dan pemegang francais sukan antarabangsa untuk menganjurkan acara-acara bertaraf dunia di sini, kata menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya kementerian akan memainkan peranan penting untuk mencari ruang bagi membolehkan Malaysia menganjurkan acara-acara sukan dunia dengan sokongan kuat dari sektor swasta dan persatuan-persatuan sukan.

Muhyiddin berkata perlumbaan basikal Jelajah Langkawi - Le Tour De Langkawi

- merupakan satu kejayaan kepada negara dan menempatkan bendera Malaysia dalam peta sukan antarabangsa.

"Kami berharap jelajah itu akan menjadi acara tahunan, selain sebanyak mungkin pertandingan dunia yang lain," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara SUKOM Ninety Eight Berhad dan Penerbangan Malaysia.

Muhyiddin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berminat Malaysia menganjurkan salah satu sirkit perlumbaan kereta Formula One.

Selain daripada perlumbaan Formula One, katanya, kementerian akan berusaha membawa acara golf dunia dan pertandingan antarabangsa lain. Salah satu acara dunia yang kini dianjurkan Malaysia ialah Grand Prix motosikal pada akhir bulan ini.

"Kerajaan berharap trek perlumbaan akan dibina oleh sektor swasta. Kerajaan berharap dapat diwujudkan paduan tenaga dengan sektor swasta ke arah kerjasama ini," katanya.

Mengikut memorandum persefahaman itu, Penerbangan Malaysia dilantik sebagai syarikat penerbangan rasmi untuk Sukan Komanwel 1998 di sini. Penerbangan Malaysia akan menyumbangkan pengangkutan udara dan perkhidmatan pengembaraan bernilai RM15 juta. -- Bernama

DC AHH